

Yayasan Kepimpinan Perdana hampir siap

BH 7/11/03
PUTRAJAYA: Kemudahan Yayasan Kepimpinan Perdana yang akan menjadi tempat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meneruskan kerjanya selepas persaraan terutama dalam bidang penulisan, kini hampir siap.

Bangunan dua tingkat di tepi Tasik Putrajaya di Presint 7 di sini menempatkan kemudahan perpustakaan untuk penyelidik mendalam penulisan dan ucapan Dr Mahathir sepanjang kerjayanya dalam politik dan kerajaan.

Ketika ini, pekerja dilihat sibuk membawa masuk barangan milik Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dari Kompleks Seri Perdana dan pejabat mereka untuk diletakkan di kemudahan itu.

Kerja akhir menyiapkan hiasan dalaman bangunan juga rancak dijalankan. Beberapa kakitangan yayasan itu juga sudah memulakan tugas di bangunan yang diserahkan pemajunya Oktober lalu.

Lukisan gambar Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah sudah digantung berhampiran pintu masuk, lobi bawah dan di tingkat dua bangunan.

Pengumuman rasmi operasi dan fungsi yayasan itu dijangka dibuat lembaga pemegang amanahnya tidak lama lagi.

Penubuhan yayasan itu cetusan idea pihak tertentu yang mahu mengembangkan pemikiran Dr Mahathir terutama berhubung sosial, politik dan hubungan antarabangsa bukan saja di dalam malah luar negara.

Difahamkan, yayasan itu akan beroperasi selepas Dr Mahathir pulang daripada bercuti di luar negara 15 November ini.

Sementara itu, Dr Mahathir akan memberi ucap tama bertajuk Demokrasi dan Keselamatan pada Era Globalisasi di Forum Global 2003 di Okinawa, Jepun, 11 November ini.